Adrian–Christian Luis lwn Tenaga Nasional Bhd

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — GUAMAN SIVIL NO 22–344 TAHUN 1997
MOHD NOOR ABDULLAH H
2 NOVEMBER 2004

Undang-Undang Pentadbiran — Hak dan liabiliti pegawai awam — Penurunan mata gaji — Prosiding disiplin — Laporan butir-butir kelakuan yang dituduh tidak diberi kepada plaintif — Tidak ada peluang munasabah untuk membela — Sama ada prosiding adalah adil

Acara Sivil — Penangguhan — Permohonan untuk — Hak individu terjejas — Alasan tiada 'mandate' dari pegawai yang bertugas — Sama ada penangguhan harus ditolak

Undang-Undang Buruh — Mahkamah Perusahaan — Bidang kuasa — Deklarasi penurunan mata gaji dan bukan penamatan perkhidmatan — Sama ada bidang kuasa pada mahkamah perusahaan atau mahkamah sivil

Plaintif adalah seorang kerani yang bertugas dengan defendan yang telah dihukum turun tiga mata-gaji selama tiga tahun selepas suatu 'enquiry' atas alasan plaintif kurang meresitkan bayaran yang diterima dari pengguna semasa menjalankan tugas. Plaintif memplidkan proses membuat keputusan dalam 'enquiry' mengenai tuduhan terhadap plaintif wajar dibatalkan oleh mahkamah ini kerana laporan yang menyatakan bahawa plaintif telah melakukan kesalahan tersebut yang menjadi asas tuduhan terhadapnya tidak dikemukakan kepada plaintif untuk menyangkalnya atau membantunya menyediakan pembelaannya adalah melanggar 'procedural fairness'. Defendan telah berhujah bahawa kes ini patut didengar di mahkamah perusahaan dan bukannya mahkamah sivil. Defendan juga memohon untuk penangguhan kes kerana saksinya tidak hadir.

Diputuskan, membenarkan permohonan plaintif:

(1) Plaintif telah membuktikan beliau tidak bersedia dan tidak diberi peluang yang munasabah untuk menyediakan pembelaannya kerana butir-butir mengenai perbuatan 'kurang meresitkan bayaran' tidak diberi kepada plaintif, malahan kertas penuduhan diberi kepada plaintif dan pegawai pembelaannya sehari sebelum hari perbicaraan. Maka plaintif tidak diberi peluang yang munasabah untuk membela dirinya dan ini terjumlah dalam penafian hak plaintif untuk mendapat keadilan (lihat perenggan 6); *R v Leyland Justices, ex p Hawthorn* [1979] QB 283 dan *R v Architects' Registration Tribunal, ex p Jaggar* [1945] 2 All ER 131 diikut.

(2) Juga ada kemungkinan ketuanya, En Tahir mempunyai niat serong terhadap plaintif. Plaintif sepatutnya dibenarkan mengemukakan ketakjujuran keterangan En Tahir tetapi disekat. Ini menjejaskan 'a fair enquiry' (lihat perenggan 7).

(3) Mahkamah menolak permohonan untuk menangguhkan kes kerana kes ini kes tertunggak dari tahun 1997. Kes ini sepatutnya diberikan keutamaan kerana ia melibatkan hak individu dan periuk-nasinya. Alasan kes tidak dapat diselesaikan kerana tiada 'mandate' dari pegawai berkenaan yang bercuti sakit adalah satu helah sahaja (lihat perenggan 8).

(4) Walaupun isu bidang kuasa tidak diplidkan dalam pembelaan defendan, mahkamah masih boleh dan sepatutnya mendengarnya. Mahkamah mendapati deklarasi yang dipohon plaintif bukan deklarasi untuk mengisytiharkan penamatan perkhidmatan plaintif adalah tidak sah. Plaintif tidak ditamatkan perkhidmatannya tetapi hanya diturunkan tiga mata-gaji. Maka s 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 tidak menghalang plaintif dari mengambil tindakan ini di mahkamah sivil (lihat perenggan 10 dan 11); *Minister of Labour Malaysia v Chan Meng Yuen & another appeal* [1992] 2 MLJ 337 diikut.

[**English summary**

The plaintiff was a clerk with the defendant and has been punished whereby his salary was reduced by three points for three years after one inquiry on the ground that the plaintiff issued inadequate receipt for payment received from a consumer while performing his duty. The plaintiff pleaded that the process of decision making in an inquiry regarding allegation against him should be struck off by this court on the ground that the report which stated that the plaintiff had committed those offence which was the basis of the allegation against him was not made available to him to rebut or to assist him in preparing his defence and was therefore in breach of procedural fairness. The defendant contended that the case should be heard in the industrial court and not the civil court. The defendant also applied for an adjournment because his witness was absent.

Held, allowing the plaintiff's application:

(1) The plaintiff had proved that he was not ready and was not given reasonable opportunity to prepare his defence because details of his conduct of 'issuing inadequate receipt for payment' was not given to him, and even a copy of the charge was only served on the plaintiff and his defence counsel one day before the hearing. As such, the plaintiff was not given a reasonable opportunity to defend himself and this amounted to a denial of the plaintiff's right to justice (see para 6); *R v Leyland Justices, ex p Hawthorn* [1979] QB 283 and *R v Architects' Registration Tribunal, ex p Jaggar* [1945] 2 All ER 131 followed.

(2) There was a possibility that his superior, En Tahir had malicious intention against the plaintiff. The plaintiff should be allowed to tender evidence of malice in En Tahir's evidence, however he was restrained from doing so. This would jeopardize a fair inquiry (see para 7).

(3) The court dismissed the application to adjourn the case because this case had been pending since 1997. This case should has to be given priority because it involved the individual's right and his source of income. The excuse that this case could not be settled because there was no mandate from the relevant officer who was on sick leave was only a sham (see para 8).

(4) Even though the issue of jurisdiction was not pleaded in the defendant's defence, the court still could or must hear it. The court found that the declaration applied by the plaintiff was not a declaration to declare the termination of plaintiff's services null and void. The plaintiff's service was not terminated but his salary was reduced by three points. As such, s 20 of the Industrial Relations Act 1967 does not prevent the plaintiff from commencing this action from the civil courts (see paras 10 and 11); *Minister of Labour Malaysia v Chan Meng Yuen & another appeal* [1992] 2 MLJ 337 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa mahkamah perusahaan, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1323–1375.
Untuk kes-kes mengenai hak dan liabiliti pegawai awam, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 620–696.
Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk penangguhan, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 5500–5601.

Kes-kes yang dirujuk

Minister of Labour Malaysia v Chan Meng Yuen & another appeal [1992] 2 MLJ 337 (diikut)
Mohd bin Ahmad v Yang Dipertua Majlis Daerah Jempol, Negeri Sembilan [1997] 2 MLJ 361 (dirujuk)
R v Architects' Registration Tribunal, ex p Jaggar (1945) 2 All ER 131 (diikut)
R v Leyland Justices; ex p Hawthorn [1979] QB 283 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 20
Perlembagaan Persekutuan perkara 132

Jagdeep Singh Deo (Simon Murali bersamanya) (Karpal Singh & Co) untuk plaintif.
Natasha Sue Kessler (Zaid Ibrahim & Co) untuk defendan.

Mohd Noor Abdullah H:

[1] Plaintif adalah seorang kerani yang bertugas dengan defendan di Pejabat Tenaga Nasional Bhd Sg Petani, Kedah. Pada 15 Oktober 1993 defendan

mengambil tindakan tatatertib terhadap plaintif kerana berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga menjatuhkan reputasi perkhidmatannya dengan defendan. Plaintif dituduh kurang meresitkan bayaran yang diterima dari pengguna semasa menjalankan tugas.

[2] Satu 'enquiry'/temu bual telah diadakan di mana plaintif didapati bersalah dan dihukum buang kerja. Plaintif merayu kepada jawatankuasa rayuan dan akibatnya hukuman buang kerja diketepikan dan diganti dengan hukuman turun tiga mata-gaji selama tiga tahun. Plaintif tidak berpuas hati dan mengemukakan tuntutan sivil di mahkamah ini terhadap defendan.

[3] Plaintif dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau dipindahkan bertugas dari 'analysis clerk' kepada 'cashroom clerk'. Plaintif memprotes lantaran usianya 50–an yang tidak sesuai dengan tugas yang cepat, banyak kerja tertunggak dan kena sentiasa 'alert'. Defendan tidak mempedulikan protes plaintif walaupun laporan doktor menyokong protes plaintif. Genap sebulan kemudian plaintif menerima surat dari defendan yang menyatakan plaintif telah melakukan beberapa kesilapan mencetak bil elektrik dan telefon yang dibayar oleh pelanggan TNB dan meminda bil-bil tanpa merujuk kepada kerani lejer serta menghilangkan lima keratan resit kutipan. Plaintif diingatkan oleh defendan supaya jangan melakukan kesilapan itu lagi. Lima bulan kemudian plaintif menerima surat penuduhan dari defendan yang menyatakan plaintif telah melakukan kesalahan yang berat di bawah A 21 Aturan Tindakan Tatatertib, iaitu kurang meresitkan bayaran yang diterima dari pelanggan. Plaintif dikehendaki hadir di satu sesi 'enquiry'/temu bual pada tarikh yang ditetapkan. Dalam 'enquiry' itu plaintif diwakili oleh 'union official'. Tetapi plaintif plid proses membuat keputusan dalam 'enquiry' itu mengenai penuduhan terhadap plaintif wajar dibatalkan oleh mahkamah ini atas beberapa alasan.

[4] Plaintif membuktikan dan mahkamah mendapati penuduhan terhadap plaintif ada menyebut begini: 'Laporan telah diterima yang menyatakan bahawa tuan dari tarikh 24 April 1993 hingga 11 Mei 1993 telah melakukan kesalahan kurang meresitkan bayaran yang diterima semasa menjalankan tugas' (ms 18 DBD). Laporan itu menyatakan bahawa semakan audit kewangan mendedahkan plaintif meresitkan bayaran sebahagian bil dan meresitkan bil telefon kurang. Tetapi laporan ini yang menjadi asas penuduhan tidak dikemukakan dalam 'enquiry' itu. Kegagalan defendan mengemukakan laporan itu kepada plaintif untuk menyangkalnya atau membantunya menyediakan pembelaannya adalah melanggar 'procedural fairness' seperti dinyatakan dalam *R v Leyland Justices; ex p Hawthorn* [1979] QB 283:

> It is well established principle of administrative law that anything that restricts or appears to restrict the defendant's ability to present his case may be held to be a breach of procedural fairness … it is therefore a breach of natural justice for the prosecution to conceal such evidence.

[5] Dalam kes *R v Architects' Registration Tribunal, ex p Jaggar* [1945] 2 All ER 131 pula menyatakan:

> It was improper for the tribunal which acted in a quasi-judicial capacity, to consider and give weight to evidence contained in documents, the contents and source of which were not divulged to the applicant.

[6] Plaintif seterusnya membuktikan dan mahkamah mendapati plaintif tidak bersedia dan tidak diberi peluang yang munasabah untuk menyediakan pembelaannya kerana butir-butir mengenai perbuatan 'kurang meresitkan bayaran' tidak diberi kepada plaintif, malahan kertas penuduhan diberi kepada plaintif dan pegawai pembelaannya pada petang sebelum hari perbicaraan. Maka plaintif tidak diberi peluang yang munasabah untuk membela dirinya dan ini terjumlah dalam penafian hak plaintif untuk mendapat keadilan.

[7] Plaintif mendedahkan dan mahkamah mendapati ada kemungkinan ketuanya En Tahir mempunyai niat serong terhadap plaintif seperti menolak keengganan plaintif bertugas di 'cashroom' tanpa memberi pertimbangan, mencela plaintif hanya dalam masa sebulan selepas ditukarkan tugas, adanya insiden terdahulu di mana plaintif membela S Doraisamy dari dibuang kerja atas aduan En Tahir dan kes itu menyebelah S Doraisamy. Dalam keadaan sedemikian plaintif sepatutnya dibenarkan mengemukakan ketidakjujuran keterangan En Tahir tetapi disekat. Ini menjejaskan 'a fair enquiry'.

[8] Dalam perbicaraan di hadapan saya, defendan tidak memberi keterangan kerana saksinya tidak hadir dan permohonan untuk penangguhan perbicaraan tidak dibenarkan. Alasan untuk menangguhkan kes ialah ura-ura untuk menyelesaikan kes dalam masa dua minggu dan apabila ditanya bagaimana jikalau kes tidak dapat diselesaikan, peguam defendan menjawab: 'Kes akan dibicarakan'. Saya menolak permohonan untuk menangguhkan kes kerana kes ini kes tertunggak tahun 1997, ia melibatkan hak individu dan periuk-nasinya, kes diberi keutamaan dua hari tanpa ada kes-kes lain dan alasan kes tidak dapat diselesaikan kerana tiada 'mandate' dari pegawai berkenaan yang bercuti sakit adalah satu helah saja kerana tentu ada pegawai atasan yang lain yang juga ada 'mandate' untuk merestui penyelesaian. Tujuh tahun adalah terlalu lama untuk plaintif menunggu baik-buruk nasibnya dan demi keadilan kepada plaintif, mahkamah menolak sebarang penangguhan.

[9] Mahkamah telah meneliti pembelaan defendan. Benar defendan telah menyerahkan penuduhan kepada plaintif pada bulan Mei 1993, lima bulan sebelum 'enquiry' tetapi 'particulars' tentang kurang meresitkan tidak dipertikaikan. Begitu juga tentang laporan yang menjadi asas penuduhan tidak dinyatakan dan dibekalkan kepada plaintif. Saya telah mengambil kira pembelaan defendan dalam menolak permohonan defendan untuk menangguhkan kes.

PERSOALAN UNDANG-UNDANG SAMA ADA KES INI PATUT DIDENGAR DI MAHKAMAH SIVIL ATAU MAHKAMAH PERINDUSTRIAN/PERUSAHAAN

[10] Plaintif berhujah bahawa isu ini tidak diplidkan dalam pembelaan defendan. Walaupun ini benar tetapi saya berpendapat isu undang-undang tentang bidang kuasa tidak semestinya diplidkan dan jika tidak diplidkan pun mahkamah masih boleh dan sepatutnya mendengarnya. Dalam konteks yang lain jika mahkamah ini tiada bidang kuasa dan tidak pula ingin mendengar hujah pihak-pihak yang berbalah, perbicaraan ini nanti akan jadi sia-sia sahaja, jika diputuskan kelak bahawa mahkamah tiada bidang kuasa.

[11] Mahkamah mendapati deklarasi yang dipohon plaintif dalam 'prayer' (a) dan (b) bukan deklarasi untuk mengisytiharkan penamatan perkhidmatan plaintif adalah tidak sah. Plaintif tidak ditamatkan perkhidmatannya. Plaintif hanya diturunkan tiga mata-gaji. Maka s 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 tidak menghalang plaintif dari mengambil tindakan ini di mahkamah sivil. Sebagaimana diputuskan dalam *Minister of Labour Malaysia v Chan Meng Yuen & another appeal* [1992] 2 MLJ 337 pada ms 342:

> If the defendant is still aggrieved from the decision, it is open to him to file a suit in the civil court for damages for wrongful dismissal.

[12] Menurut peguam defendan, plaintif telah mengemukakan tindakan diMahkamah Perusahaan tetapi telah menarik balik permohonannya. Peguam defendan berhujah bahawa mahkamah sivil tidak akan memerintahkan perlaksanaan spesifik sesuatu kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja kecuali di bawah s 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 atau di bawah per 132 Perlembagaan Persekutuan: Peguam defendan bersandarkan kepada kes Mahkamah Persekutuan *Mohd bin Ahmad v Yang Dipertua Majlis Daerah Jempol Negeri Sembilan* [1997] 2 MLJ 361.

[13] Saya berpendapat menurut fakta kes ini mahkamah ada bidang kuasa melayan permohonan plaintif setelah menarik balik permohonannya di mahkamah perusahaan. Kes *Minister of Labour Malaysia v Chan Meng Yuen & another appeal* [1992] 2 MLJ 337 boleh diterima pakai.

[14] Oleh yang demikian saya benarkan permohonan plaintif sebagai mana dipohon.

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee